

Atasi isu buruh, bahan asas pertanian capai kadar sara diri makanan

• Dalam situasi luar jangka seperti kemarau atau perubahan iklim yang menyebabkan gangguan dalam rantai bekalan, tumpuan akan terfokus kepada SSL yang bertindak sebagai pemampasan saat kritikal

• Bagi mengimbangi tenaga kerja dalam rantai makanan dan menarik minat golongan muda berkecimpung ke dalam industri ini, isu pulangan hasil tidak menguntungkan perlu dileraikan



Profesor Madya
Pusat Pengajian
Kerajaan, Universiti
Utara Malaysia (UUM)

Oleh Dr Ahmad Zubir Ibrahim
bhrencana@bh.com.my

Dasar Agro Makanan Negara (DAN) 2.0 menekankan pencapaian kepada tahap kadar sara diri (SSL) dalam tempoh 2030. SSL ialah komponen utama keselamatan makanan dan berfungsi sebagai petunjuk mengukur kemampuan sesebuah negara memenuhi keperluan itu daripada pengeluaran domestik sendiri.

Dalam situasi luar jangka seperti kemarau atau perubahan iklim yang menyebabkan gangguan dalam rantai bekalan, tumpuan akan terfokus kepada SSL yang bertindak sebagai pemampasan pada masa

kritikal.

Ini kerana semakin besar SSL bagi setiap komoditi disasarkan, dan semakin kurang keberuntungan pada import dan secara langsung akan mengurangkan impak. Contohnya, sasaran SSL pengeluaran beras ditetapkan 80 peratus; buah-buahan (83 peratus); sayur-sayuran (79 peratus); lembu (50 peratus); ayam (30 peratus); ayam/itik (140 peratus) dan telur ayam/itik (123 peratus) menjelang 2030 bagi menampung keperluan negara dan penduduk.

Dalam mencapai sasaran ditetapkan, pelbagai bentuk strategi dan pendekatan digariskan dalam DAN 2.0. Mutakhir ini pelbagai isu mengganggu-gugat rantai bekalan makanan negara.

Jika diamati sebelum ini, isu kekurangan bekalan ayam dan telur hangat diperkatakan sehingga menjejaskan kehidupan harian masyarakat, disusuli bekalan beras dan kini negara berhadapan kenaikan harga sayur-sayuran.

Malah, tidak mustahil menjelang Aidilfitri akan wujud isu penawaran keperluan asas lain di pasaran. Situasi ini bagaikan bom jangka boleh berlaku bila-bila masa di sepanjang rantai bekalan makanan.

Jika dilihat, gangguan dalam sistem rantai bekalan makanan semakin menebal, malah membuka ruang kepada pihak tidak sepatutnya menangkup di air keruh. Putaran ini akhirnya mengakibatkan herotan di sepanjang rantai bekalan makanan. Kesannya adalah meningkatkan kos dan mengurangkan kuasa beli pengguna terutama golongan berpendapatan rendah.

Walaupun terdapat pelbagai bentuk intervensi dan strategi digariskan dalam DAN 2.0, perkara asas seperti kekurangan tenaga buruh dan bekalan input dalam sektor pertanian perlu ditangani sebakit mungkin.

Kegagalan tenaga buruh tempatan terbabit dalam industri ini mengakibatkan negara perlu bergantung kepada pekerja asing. Namun, keberuntungan itu perlu dikurangkan kerana memberi kesan negatif kepada pembangunan negara, akhirnya mengganggu sistem pengeluaran makanan.

BH sebelum ini juga melaporkan lebih 1,000 warga asing mengusahakan kebun haram di setiap negeri antara 50 hingga 100 hektar. Mereka ini turut mengusahakan rantai pembekalan, termasuk logistik atau pengangkutan. Malah ada yang berani menceroboh tanah milik kerajaan sewenang-wenangnya bagi mengusahakan kebun haram.

Ia memberi tamparan hebat kepada industri ini.

Di manakah silapnya hingga pendatang asing begitu berani berbuat demikian. Adakah kurang pemantauan pihak berkuasa atau undang-undang sedia ada dipandang enteng oleh golongan ini disebabkan hukuman tidak setimpal?

Begitu juga dalam industri tanaman padi, terdapat pesawah terutama pemilik sawah berskala kecil terpaksa mengupah pendatang asing dalam melakukan kerja meracun dan mencedung kerana faktor umur dan ketidakupayaan melakukan semua kerja.

Keadaan ini turut mengakibatkan pemindahan teknologi dan inovasi dalam rantai pengeluaran makanan akan terbantut walaupun kerajaan menyediakan persekitaran penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta teknologi terbaik.

Bagi mengimbangi tenaga kerja dalam rantai makanan dan menarik minat golongan muda berkecimpung ke dalam industri ini, isu pulangan hasil tidak menguntungkan perlu dileraikan.

Terdapat belia berkecimpung dalam industri ini hanya mampuh bertahan dalam kos pengeluaran dan pulangan tidak menguntungkan.

Meningkatkan teknologi terkini

Bagi mengatasi permasalahan ini, pekerjaan dalam sektor pertanian perlu diangkat dan dinaik taraf. Institusi menyediakan tenaga buruh dalam bidang ini, perlu melengkapkan bakal tenaga buruh di pasaran kelak dengan segala kemahiran diperlukan termasuk penerapan teknologi termaju seperti dron, kecerdasan buatan (AI) dan rantai blok.

Pada masa sama, pembinaan karektor dan jati diri perlu dipertingkatkan agar tidak mudah rapuh apabila berhadapan dengan realiti di alam pekerjaan. Pelbagai insentif perlu disediakan dan ditawarkan bagi menarik minat golongan belia, sekali gus mengekalkan mereka di sepanjang ran-

tal pengeluaran makanan.

Sokongan dari institusi kewangan dan agensi terbabit juga perlu diperkukuh bagi memantapkan rantai pengeluaran makanan. Peranan dan kepakaran pegawai pembangunan di peringkat akar umbi perlu digunakan secara optimum bagi membantu dalam meningkatkan hasil pengeluaran, selain memberi khidmat nasihat.

Ia perlu diberi perhatian segera untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan industri dalam hasil pengeluaran makanan negara.

Kewujudan kesepakatan antara peniaga dengan pembekal tidak bertanggungjawab bagi mengandakkan keuntungan melalui penentuan harga dan bekalan di pasaran sehingga mengakibatkan pembelian panik menjejaskan sistem pasaran.

Hakikatnya, situasi di sepanjang rantai pengeluaran makanan, akhirnya mengakibatkan pasaran industri ini rapuh dan tidak dapat bersaing sebaik mungkin.

Keadaan ini memberi kesan kepada keterjaminan bekalan makanan negara mengakibatkan industri bertumbuh perlahan berbanding pelaburan besar dilakukan kerajaan. Oleh itu, undang-undang dalam melindungi rantai bekalan perlu diperkasa bagi memastikan kecekapan pasaran serta melindungi pengeluaran yang berguna bagi mengelak penghapusan yang boleh akan mengakibatkan kerugian besar kepada negara dan pengguna.

Pada masa sama, impak perubahan iklim tetap menjadi cabaran utama dalam rantai pengeluaran makanan. Amalan pertanian mampan perlu mempunyai daya boleh suai dan daya tahan. Pelan mitigasi bagi mendepani cabaran perubahan iklim perlu diutamakan dalam rangka dan tatakelola berkaitan industri pengeluaran makanan. Kawasan mudah terjejas perlu dikenal pasti dan perlunya ekosistem lebih berdaya tahan sebagai mitigasi risiko dalam sektor ini.

Dalam mencapai sasaran SSL berbaki enam tahun sahaja lagi, usaha berterusan perlu dilakukan dengan menggerakkan usaha dalam menyusun strategi terbaik bagi mengatasi masalah asas dalam kitaran pengeluaran makanan.

Tenaga buruh dan bekalan input pertanian antara perkara asas perlu ditangani terlebih dahulu dalam mencapai sasaran SSL. Seandainya kemudahan asas infrastruktur tersedia secara tidak langsung transformasi melalui inovasi dapat dilaksanakan lebih berkesan.

